

Artikel

Peranan Sikap Peminat sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Buli Siber, Penghargaan Kendiri dan Kesejahteraan Psikologi

(*The Role of Fans' Attitude as Mediator in the Relationship Between Cyberbully, Self-Esteem and Psychological Well-Being*)

Farah Ismi & Abdul Rahman Ahmad Badayai*

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: arab5487@ukm.edu.my

Abstrak: Stereotaip oleh netizen telah keterlaluan terhadap peminat dewasa muda yang secara terbuka berkongsi minat mereka terhadap selebriti, contohnya, BTS sehingga menyebabkan mereka menjadi mangsa buli siber. Mesej positif BTS tidak lain adalah pengaruh dalam kehidupan peminat mereka mengenai harga diri dan kesejahteraan psikologi mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara pengalaman tingkah laku buli siber dan harga diri dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan peminat dewasa muda BTS di Malaysia dan untuk melihat sikap peminat sebagai pengantara yang berpotensi dalam hubungan ini. Responden kajian ini terdiri daripada 397 orang dewasa muda dan soal selidik diedarkan menggunakan teknik persampelan bertujuan dan bola salji. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman tingkah laku buli siber dengan kesejahteraan psikologi manakala terdapat hubungan signifikan yang positif antara harga diri dan kesejahteraan psikologi. Sikap peminat membuktikan ia berperanan sebagai orang tengah dalam hubungan antara harga diri dan kesejahteraan psikologi. Beberapa cadangan telah dicadangkan bagi meningkatkan kualiti kajian masa hadapan seperti kajian akan dijalankan secara longitudinal menggunakan teknik kajian temu bual dan pemerhatian.

Kata kunci: Sikap Peminat, Pembuli Siber, Harga Diri, Kesejahteraan Psikologi, Dewasa Awal

Abstract: Stereotype by the netizens have been outrageous towards those young adult fans who openly shared their interest in celebrities, for instance, BTS thus it leads them on being the victims of cyberbullying. BTS' positive messages have been nothing but an influence in their fans' life regarding on their self-esteem and psychological well-being. Therefore, this research was conducted to study the relationship between the experience of cyberbullying behaviour and self-esteem with psychological well-being among BTS' young adult fans in Malaysia and to see fans' attitude as potential mediator in this relationship. The respondents of this research were consist of 397 young adults and the questionnaire were distributed using the purposive and snowball sampling technique. The results of this research showed that there is no significant relationship between the experience of cyberbullying behaviour and psychological well-being whereas there is a positive significant relationship between self-esteem and psychological well-being. Fans' attitude proven that it has a role as a mediator in the relationship between self-esteem and psychological well-being. Some suggestions were proposed to improve the quality of the future research such as the study will be conducted longitudinally using the interview and observation research techniques.

Keywords: Fans' Attitude, Cyberbully, Self-Esteem, Psychological Well-Being, Young Adult

Pengenalan

Situasi buli seperti buli secara fizikal, lisan atau dalam talian adalah merupakan isu hangat yang sering dialami oleh peminat-peminat para selebriti sama ada sebagai mangsa atau pemangsa. Peningkatan buli siber atau dalam talian ini semakin meninggi kerana kebanyakannya pengguna media sosial memperlekehkan hobi para peminat dalam kalangan dewasa awal ini dengan menyatakan bahawa minat atau hobi mereka adalah sesuai untuk diminati oleh kanak-kanak atau remaja sahaja serta mengeluarkan kata-kata cemuh kepada selebriti kegemaran mereka. Jelas ternyata bahawa mangsa buli siber terdedah kepada risiko iaitu kesan negatif terhadap mental dan emosi mereka disebabkan gejala buli siber itu sendiri (Pitchan, Omar, & Ghazali, 2019). Data statistik oleh *Cyber Security Malaysia* (CSM) menunjukkan bahawa sebanyak 596 kes pada tahun 2020 dan 35 kes pada Januari 2021 telah dilaporkan sebagai kes gangguan secara dalam talian atau buli siber.

Menurut Hellfeldt, López-Romero, dan Andershed (2020), risiko penurunan tahap kesejahteraan psikologi serta simptom keresahan dan kemurungan bagi mereka yang terlibat dengan situasi buli siber dapat dikurangkan dengan wujudnya sokongan sosial seperti keluarga dan rakan. Di dalam konteks kajian ini, sikap atau tingkah laku yang ditunjukkan oleh selebriti kegemaran seperti Beyond The Scene (BTS) mampu memberi pengaruh besar terhadap para peminat mereka iaitu ARMY yang menjadikan mereka sebagai model peranan. Pada tahun 2017, BTS yang merupakan salah sebuah kumpulan nyanyian terkenal dari Korea telah berkolaborasi dengan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atau *United Nations Child's Fund* (UNICEF) dan melancarkan sebuah kempen membanteras keganasan di dalam kalangan belia iaitu kempen #ENDviolence serta memupuk sifat percaya, sayang akan diri sendiri dan yakin dengan suara yang dilontarkan iaitu kempen #BTSLoveMyself.

Respon positif oleh para peminat ternyata dapat dibuktikan kerana pada November 2019, kempen ini berjaya menerima dana sebanyak *2.5 Billion KRW* atau 9.2 Juta Ringgit Malaysia. Walaupun mesej ini sudah wujud sebelum kempen ini bermula, namun pengaruh BTS ternyata membawa hasil yang luar biasa kerana para peminat mereka sangat aktif dalam menerapkan aspek menyayangi diri sendiri dan akan menegur para pemangsa buli serta mendidik mereka berkaitan kesalahan yang telah dilakukan. Pengaruh baik yang ditunjukkan oleh ahli BTS benar membuatkan para peminat menjadikan mereka sebagai inspirasi dan model peranan di dalam setiap aspek kehidupan mereka tanpa mengenal usia.

Tinjauan Literatur

1. Tingkah Laku Buli Siber

Teknik buli siber yang paling kerap digunakan adalah bahasa kesat dan bahan yang berunsurkan pornografi seperti yang telah dilaporkan di dalam kajian oleh Lai et al. (2016). Buli siber boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang dan melalui hasil kajian ini menunjukkan bahawa kes buli siber telah berada pada tahap yang membimbangkan. Setiap etnik di Malaysia dan jantina terutamanya perempuan berbangsa Melayu cenderung untuk menjadi mangsa buli secara dalam talian. Tiga faktor yang mampu meningkatkan kesedaran tentang penggunaan media sosial terhadap keselamatan siber adalah faktor persekitaran, pengetahuan dan sikap (Zakiah & Dalbir, 2018). Pengurangan tingkah laku buli siber dapat dilihat jika penglibatan faktor-faktor ini dan kesedaran yang wujud di dalam diri setiap pengguna media sosial. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini ingin melihat sama ada BTS sebagai duta anti buli (Kempen #EndViolence) telah dijadikan sebagai faktor oleh para peminat untuk lebih berhati-hati ketika bertingkah laku di media sosial serta ingin mengukur sejauh manakah tingkah laku buli siber yang telah berlaku di dalam *fandom* ini.

2. Tahap Penghargaan Kendiri

Kajian yang telah dikaji oleh Jafar dan Hasan (2016) melibatkan seramai 316 orang remaja memperolehi bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana di antara penghargaan kendiri dengan kepuasan hidup dalam kalangan remaja. Menurut ramalan, kepuasan hidup remaja juga diperolehi daripada beberapa faktor seperti penghargaan kendiri rakan, sekolah serta keluarga. Kajian ini berpendapat bahawa walaupun penyumbang utama kepuasan hidup pelajar adalah dimensi rakan, namun dimensi sekolah dan keluarga juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan serta meningkatkan kepuasan hidup remaja. Maka,

pengkaji kajian ini ingin melihat jika BTS memainkan peranan dan sejauh manakah pengaruh BTS sebagai model peranan dalam menentukan penghargaan kendiri para peminat mereka.

3. Peranan Sikap Peminat Selebriti

Peranan sikap peminat selebriti terbahagi kepada tiga iaitu hiburan sosial, perasaan yang intensif dan *borderline pathlogical* (Widjaja & Ali, 2015). Ketiga-tiga peranan sikap ini wujud dalam setiap diri para peminat tanpa mengenal latar belakang dan usia. Para peminat dalam kalangan dewasa awal pasti mempunyai alasan atau sebab mengapa mereka melibatkan diri dalam sesebuah *fandom*. Menurut kajian oleh Park, Santero, Kaneshiro, dan Lee (2021), sebab utama *fandom* yang dikenali sebagai ARMY meminati BTS adalah disebabkan oleh muzik yang dikongsikan (89%) dan mesej yang disampaikan (63%). Sebanyak 63% pula meminati kumpulan ini disebabkan oleh personaliti atau tingkah laku yang ditunjukkan oleh setiap ahli kumpulan tersebut dan sebanyak 51% meminati persembahan yang ditunjukkan di atas pentas mahupun secara alam maya. Oleh hal yang demikian, memandangkan pengaruh selebriti ternyata memainkan peranan penting terhadap keputusan yang dilakukan oleh para peminat mereka, maka kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada pengaruh tersebut masih relevan terhadap kesejahteraan psikologi para peminat.

4. Tahap Kesejahteraan Psikologi

Kajian oleh Shafie, Rozudi, dan Kamaruddin (2017) yang bertajuk Mangsa Buli dan Kesan Buli adalah merupakan satu artikel yang membincangkan topik berkaitan topik tingkah laku buli dan kesannya terhadap fizikal, emosi dan psikologikal atau mental mangsa buli. Kesan jangka pendek kepada mangsa dari segi fizikal seperti psikosomatik iaitu sakit kepala, sakit perut dan masalah tidur dapat dilihat selepas berlakunya tingkah laku buli dan jika kesakitan ini berlarutan iaitu pada masa jangka panjang maka ia akan menjadi pencetus untuk seseorang mempunyai masalah kemurungan. Manakala dari segi psikologikal pula, kesan jangka pendek yang dapat dilihat adalah apabila mangsa tidak mempunyai keyakinan diri, berasa rendah diri, murung dan takut untuk pergi ke sekolah bagi mereka yang telah dibuli di dalam persekitaran sekolah di mana mereka telah diejek secara lisan atau didera secara fizikal. Bagi kesan jangka panjang, kesejahteraan mental mangsa buli terjejas dan berlarutan jika mereka tidak diajari strategi daya tindak yang betul. Maka, kajian yang akan dilakukan adalah untuk melihat sama ada tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan peminat BTS akan terjejas jika mereka terlibat dalam situasi buli siber.

Metodologi

1. Responden dan Persampelan Kajian

Seramai 400 orang telah melibatkan diri untuk mengambil bahagian sebagai responden di dalam kajian ini. Setelah data ditapis dan disebabkan wujudnya tidak ketepatan kriteria dari segi umur, maka hanya 397 orang responden dipilih daripada kutipan data diperolehi kerana jumlah responden ini telah menepati ciri-ciri umur yang spesifik iaitu 18 tahun sehingga 40 tahun (Hurlock, 2002). Lingkungan umur ini adalah merupakan umur yang mewakili dewasa awal yang merupakan majoriti dalam kalangan golongan peminat BTS. Pengkaji telah memilih responden dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan dan persampelan bola salji. Menurut Rozmi Ismail (2015), persampelan bertujuan adalah merupakan teknik yang mudah untuk difahami serta mudah untuk memilih sampel yang spesifik mengikut kriteria atau ciri sampel yang telah ditetapkan berdasarkan objektif kajian. Kriteria atau ciri-ciri tersebut adalah seorang warganegara Malaysia yang berumur daripada 18 tahun sehingga 40 tahun dan merupakan peminat BTS. Manakala persampelan bola salji pula adalah pengkaji mengedarkan pautan borang soal selidik di beberapa media sosial dan kemudian para responden akan menyebarkan pautan tersebut kepada kenalan mereka yang lain. Konsep bola salji ini bermula daripada kecil sehingga menjadi semakin besar jika bola salji tersebut terus digulingkan (Rozmi Ismail, 2015).

Kaedah ini digunakan untuk mengisi borang soal selidik secara dalam talian bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat.

2. Instrumen Kajian

Instrumen kajian iaitu borang soal selidik telah digunakan untuk mengutip data. Empat soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat kajian ini iaitu *Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument*, *Rosenberg Self-Esteem Scale*, *Celebrity Attitude Scale* (CAS) dan *Ryff Psychological Well-Being Scale* (RPWB). Pengkaji telah menggunakan soal selidik versi asal iaitu Bahasa Inggeris serta versi adaptasi iaitu Bahasa Melayu dan secara keseluruhannya, ia mempunyai 69 item.

Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument (Patchin dan Hinduja, 2019) adalah merupakan instrumen yang digunakan untuk mengenal pasti pengalaman responden berkaitan dengan aktiviti buli siber secara umum sebagai mangsa dan pemangsa buli siber sepanjang 30 hari yang lepas. Skala yang digunakan dalam instrumen ini adalah merupakan skala likert yang melibatkan 4 poin iaitu 0 = Tidak Pernah, 1 = Pernah Sekali, 2 = Beberapa Kali dan 3 = Banyak Kali. Responden yang memperolehi nilai tinggi menandakan bahawa mereka telah melalui pelbagai jenis situasi yang berkaitan dengan buli siber sama ada sebagai mangsa atau pemangsa.

Rosenberg Self-Esteem Scale (Rosenberg, 1965) merupakan instrumen bagi mengukur penghargaan kendiri seseorang. Skala ini terdiri daripada 10 item dan telah menggunakan skala Likert yang melibatkan 4 poin iaitu SB = Sangat Bersetuju, S = Setuju, TB = Tidak Bersetuju dan STB = Sangat Tidak Bersetuju bagi item positif dan sebaliknya bagi item negatif. Penskoran 0 sehingga 15 menandakan tahap penghargaan kendiri yang rendah manakala penskoran 16 ke atas adalah merupakan responden tersebut menunjukkan tahap penghargaan kendiri yang tinggi.

Seterusnya, instrumen *Celebrity Attitude Scale* (CAS) (McCutcheon, Lange, & Houran, 2002) versi 23 item adalah bertujuan untuk mengenalpasti pendapat atau pandangan seseorang terhadap orang yang terkenal. Instrumen ini mengandungi tiga subskala iaitu Hiburan Sosial, Perasaan yang Intensif dan *Borderline Pathological Celebrity Attitude Scale* serta menggunakan skala Likert yang melibatkan 5 poin iaitu 5 = Sangat Bersetuju, 4 = Bersetuju, 3 = Tidak pasti atau Neutral, 2 = Tidak Bersetuju dan 1 = Sangat Tidak Bersetuju.

Instrumen terakhir iaitu *Ryff Psychological Well-Being Scale* (Ryff, 1989) yang terdiri daripada 18 item adalah merupakan skala bagi mengukur kesejahteraan psikologi seseorang. Bagi setiap item, responden diminta menyatakan tahap persetujuan berdasarkan skala pemeringkatan 6 poin iaitu 1 = Sangat Bersetuju, 2 = Agak Bersetuju, 3 = Sedikit Bersetuju, 4 = Neutral, 5 = Sedikit Tidak Bersetuju dan 6 = Agak Tidak Bersetuju dan 7 = Sangat Tidak Bersetuju bagi item positif. Manakala bagi item negatif pula, kaedah *reverse coding* digunakan di mana skor akan diterbalikkan. Enam dimensi telah diukur di dalam skala ini iaitu penerimaan kendiri, perhubungan positif, autonomi, penguasaan persekitaran, matlamat hidup serta pertumbuhan dan perkembangan diri yang berterusan.

3. Kajian Rintis

Kajian rintis ini dijalankan menggunakan kaedah yang serupa iaitu kaedah kuantitatif, namun responden yang terlibat adalah merupakan responden yang berbeza dengan populasi kajian yang utama. Para responden yang terlibat masih mempunyai kriteria yang serupa iaitu warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun sehingga 40 tahun kecuali satu kriteria iaitu spesifik kepada para peminat BTS. Mereka yang terlibat sebagai responden mempunyai selebriti kegemaran daripada pelbagai latar belakang dan tidak perlu menjadikan BTS sebagai selebriti kegemaran. Kajian rintis ini hanya melibatkan 30 orang responden sahaja dan soal selidik tersebut telah diedarkan melalui pautan borang *Google Form* secara dalam talian. Hasil daripada kajian rintis ini, pengkaji mendapati bahawa setiap instrumen mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai untuk digunakan di dalam kajian utama (Jadual 1). Pengkaji juga menyediakan soalan maklum balas pada bahagian akhir di dalam borang soal selidik iaitu soalan berkaitan pemahaman terhadap setiap item yang dijawab. Kesemua 30 responden menyatakan bahawa item adalah mudah untuk difahami dan mereka mampu menjawab soal selidik tersebut tanpa sebarang masalah. Akhir sekali, pengkaji memutuskan untuk menambahkan lagi item di dalam bahagian demografi seperti status terkini, tempoh menjadi peminat BTS dan pengetahuan berkaitan kempen kolaborasi di antara BTS dan PBB.

Jadual 1. Keputusan Kajian Rintis Bagi Setiap Instrumen

Instrumen	Nilai Alpha Cronbach
<i>Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument</i>	0.948
Skala Penghargaan Kendiri Rosenberg	0.793
Skala <i>Celebrity Attitude</i>	0.954
Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff	0.738

Dapatkan Kajian Dan Perbincangan

1. Analisis Demografi

Seramai 397 orang responden yang telah terpilih dalam kajian ini adalah merupakan peminat BTS dalam kalangan dewasa awal. Majoriti bagi setiap kategori di dalam setiap bahagian demografi seperti jantina yang menunjukkan bahawa perempuan telah mendominasi kategori ini iaitu sebanyak 99%. Kategori-kategori lain telah didominasi oleh umur 18-20 tahun (49.9%), bangsa Melayu (90.7%), agama Islam (92.9%), tahap pendidikan tertinggi iaitu Ijazah Sarjana Muda (39.5%), status terkini iaitu pelajar (72.8%) serta status perkahwinan iaitu bujang (98.2%).

Jadual 2. Keputusan Analisis Demografi

Kategori		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	4	1.0
	Perempuan	393	99.0
Umur (Tahun)	18 – 20	198	49.9
	21 – 30	188	47.4
	31 – 40	11	2.8
Bangsa	Melayu	360	90.7
	Cina	17	4.3
	India	3	.8
	Lain – lain	17	4.3
Agama	Islam	369	92.9
	Kristian	14	3.5
	Buddha	12	3.0
	Hindu	1	.3
	Lain – lain	1	.3
Tahap Pendidikan	PMR	5	1.3
	SPM	90	22.7
	STPM	21	5.3
	Diploma	110	27.7
	Ijazah Sarjana Muda	157	39.5
	Ijazah Sarjana	9	2.3
	Sijil Profesional	5	1.3
Status Terkini	Pelajar	289	72.8
	Bekerja	75	18.9
	Tidak Bekerja	33	8.3
Status Perkahwinan	Bujang	390	98.2
	Berkahwin	6	1.5
	Bercerai	1	.3

Pengkaji juga telah menyediakan beberapa soalan tambahan di dalam bahagian demografi untuk mengukur tahap penggunaan para responden terhadap media sosial dan melihat pengetahuan peminat berkaitan BTS. Antara soalan yang disediakan serta golongan yang mendominasi setiap kategori adalah seperti berikut. Keaktifan di media sosial yang didominasi oleh penggunaan media sosial yang aktif (95.2%), tempoh penggunaan internet iaitu 5-8 jam (36.3%), alat peranti pilihan iaitu telefon pintar (100.0%) dan majoriti responden (92.2%) menjadikan *Twitter* sebagai media pilihan. Bagi tempoh menjadi peminat pula, majoriti responden telah menjadi peminat selama 6-7 tahun (34.3%) dan hampir kesemua responden (98.7%) mengetahui tentang kempen kolaborasi bersama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Satu soalan terbuka juga diberikan kepada responden iaitu soalan yang berkaitan dengan pengaruh BTS terhadap kehidupan sehari-hari peminat. Secara ringkasnya, majoriti para responden menyatakan bahawa mesej yang disampaikan melalui musik dan lirik lagu yang menekankan menyebarkan mesej yang positif.

2. Analisis Normaliti

Berdasarkan ujian normaliti yang telah dianalisis dan dapat dilihat di dalam jadual 3, taburan data adalah normal bagi kesemua pemboleh ubah ke atas 397 orang responden. Menurut Chua (2014), nilai *skewness* data yang normal adalah nilai 0, namun jika nilai tersebut berada di dalam julat -1.96 sehingga +1.96, maka data tersebut mempunyai taburan yang normal. Pemboleh ubah seperti peranan sikap peminat, tahap penghargaan kendiri dan tahap kesejahteraan psikologi mempunyai nilai *skewness* dan *kurtosis* yang menghampiri nilai 0. Manakala sebaliknya bagi pemboleh ubah pengalaman tingkah laku buli siber di mana nilai *skewness* dan *kurtosis* adalah jauh dari nilai 0 tetapi masih berada di dalam julat yang menandakan taburan data adalah normal.

Jadual 3. Keputusan Analisis Normaliti

Pemboleh Ubah	N	Skewness	Kurtosis
Peranan Sikap Peminat	397	-0.7	0.8
Pengalaman Berkaitan Tingkah Laku Buli Siber	397	1.4	1.8
Tahap Penghargaan Kendiri	397	-0.1	-0.5
Tahap Kesejahteraan Psikologi	397	-0.2	-0.3

3. Analisis Deskriptif

Peranan sikap peminat BTS

Hasil kajian yang telah dikutip daripada responden iaitu skor yang tinggi mengikut setiap subskala akan ditunjukkan di dalam jadual 4 mengikut subskala. Pengkaji menggunakan instrumen ini untuk melihat jenis peranan sikap yang ditunjukkan oleh peminat BTS. Menurut jadual 4, pengkaji mendapat bahawa di dalam subskala Hiburan Sosial, seramai 375 orang (94.5%) mempunyai skor yang tinggi iaitu skor 30 ke atas. Bagi subskala Perasaan yang Intensif pula, skor 27 ke atas adalah merupakan skor tinggi yang diperolehi seramai 318 orang responden (80.1%). Manakala seramai 178 orang (44.8 %) mempunyai skor 12 ke atas yang merupakan skor tinggi di dalam subskala *Borderline Pathological*. Aspek *Borderline Pathological* bermaksud tahap yang paling ekstrim kerana pada tahap ini para peminat sanggup melakukan apa sahaja demi selebriti kegemaran mereka tanpa mengenal yang baik atau buruk. Mereka terlalu memujakan selebriti tersebut sehingga menyebabkan diri mereka mempunyai pemikiran yang tidak rasional dan sukar untuk dikawal.

Jadual 4. Keputusan Analisis Deskriptif Bagi Setiap Subskala Instrumen CAS

Subskala	Skor	Bilangan	Peratus (%)	Mod	Median	Min
Hiburan Sosial	30 ke atas	375	94.5	44	43.0	41.0
Perasaan yang Intensif	27 ke atas	318	80.1	30	32.0	31.6
<i>Borderline Pathological</i>	12 ke atas	178	44.8	10	11.0	11.3

Pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber

Instrumen yang telah digunakan membahagi pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber kepada dua iaitu sebagai mangsa dan pemangsa. Seramai 125 orang (31.5%) tidak pernah mengalami situasi buli siber sebagai mangsa, manakala seramai 272 orang (68.5%) mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya sekali atau lebih. Bagi pengalaman sebagai pemangsa di dalam situasi buli siber pula adalah seramai 258 orang (65.0%) tidak pernah langsung terlibat di dalam situasi ini. Namun seramai 139 orang (35.0%) pernah menunjukkan tingkah laku buli siber atau pemangsa di dalam situasi buli siber sekurang-kurangnya sekali atau beberapa kali semasa mereka meluangkan masa di dalam talian.

Jadual 5. Keputusan Analisis Deskriptif Bagi Pengalaman Berkaitan Tingkah Laku Buli Siber

Jenis Pengalaman	Kekerapan	Bilangan	Peratus (%)	Mod	Median	Min
Mangsa	Tidak Pernah	125	31.5	0	2.0	3.6
	Pernah	272	68.5			
Pemangsa Buli	Tidak Pernah	258	65.0	0	0.0	0.7
	Pernah	139	35.0			

Tahap penghargaan kendiri

Hasil kajian yang diperolehi daripada Instrumen Skala Penghargaan Kendiri Rosenberg ditunjukkan di dalam jadual 6 di bawah, data dikutip menggunakan instrumen ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap penghargaan kendiri responden. Melalui jadual 6 di bawah, seramai 16 orang responden (4.0%) menunjukkan skor yang rendah iaitu skor antara 11 sehingga 15. Manakala seramai 381 orang responden (96.0) mempunyai tahap penghargaan kendiri yang tinggi kerana lingkungan skor yang telah dicatatkan adalah diantara skor 16 sehingga 40.

Jadual 6. Keputusan Analisis Deskriptif Bagi Tahap Penghargaan Kendiri

Tahap	Bilangan	Peratus (%)	Mod	Median	Min
Rendah	16	4.0	27	26.0	25.5
Tinggi	381	96.0			

Tahap kesejahteraan psikologi

Menurut jadual 7, hasil kajian yang diperoleh daripada instrumen PWB oleh Ryff telah ditunjukkan. Instrumen PWB adalah untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi para responden. Julat skor bagi tahap kesejahteraan psikologi secara keseluruhan adalah 18 sehingga 126 manakala julat skor bagi setiap dimensi pula adalah 3 sehingga 21. Skor minimum yang diperolehi di dalam tahap kesejahteraan psikologi adalah skor 31 (seorang responden, 0.3%) dan skor maksimum juga diperolehi oleh seorang responden (0.3%) iaitu skor sebanyak 102. Seramai 5 orang responden (1.3%) menunjukkan skor yang minimum (skor 3) dan skor maksimum (skor 19) yang dimiliki oleh 3 orang responden (0.8%) di dalam dimensi autonomi.

Manakala, dimensi penguasaan persekitaran pula mempunyai seramai 4 orang (1.0%) yang menunjukkan skor rendah (skor 3) dan seramai 3 orang (0.8%) menunjukkan skor 20 yang menandakan skor paling maksimum. Skor rendah iaitu skor 3 telah ditunjukkan oleh 48 orang responden (12.1%) dan skor tinggi (skor 21) ditunjukkan oleh 3 orang responden (0.8%) di dalam dimensi pertumbuhan peribadi. Bagi dimensi hubungan positif, seramai 4 orang responden (1.0%) mempunyai skor yang rendah (skor 3) manakala 2 orang responden (0.5%) mempunyai skor yang maksimum sebanyak 19. Skor minimum (skor 4) ditunjukkan oleh 7 orang (1.8%) dan skor 21 iaitu skor maksimum dimiliki oleh 2 orang (0.5%) di dalam dimensi matlamat hidup. Dimensi yang terakhir iaitu dimensi penerimaan kendiri adalah seramai 2 orang responden (0.5%) memiliki skor yang minimum (skor 3) dan skor maksimum (skor 21) yang juga diperolehi oleh 2 orang responden (0.5%).

Jadual 7. Keputusan Analisis Deskriptif Bagi Tahap Kesejahteraan Psikologi

	Skor	Bilangan	Peratus (%)	Mod	Median	Min
Tahap Kesejahteraan Psikologi	31 102	1 1	0.3 0.3	68	64.0	64.0
Enam Dimensi:						
Autonomi	3 19	5 3	1.3 0.8	12	11.0	10.9
Penguasaan Persekutaran	3 20	4 3	1.0 0.8	12	12.0	11.9
Pertumbuhan Peribadi	3 21	48 3	12.1 0.8	4	7.0	7.4
Hubungan Positif	3 19	4 2	1.0 0.5	11	11.0	11.0
Matlamat Hidup	4 21	7 2	1.8 0.5	10	11.0	11.3
Penerimaan Kendiri	3 21	2 2	0.5 0.5	10	12.0	11.5

4. Analisis Inferensi

H1: Terdapat hubungan antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan peminat BTS peringkat dewasa awal di Malaysia.

Hasil daripada kutipan data, nilai korelasi pearson menunjukkan bahawa hubungan di antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi adalah lemah dan tidak signifikan ($r = 0.092$, $p > 0.05$). Maka, hipotesis ini ditolak. Jadual 8 menunjukkan bilangan jumlah responden, nilai korelasi (r) dan nilai signifikan bagi hubungan antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi. Kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi. Ini menyatakan bahawa pengalaman yang dilalui para peminat BTS sama ada sebagai mangsa atau pemangsa tidak mempunyai kesan terhadap tahap kesejahteraan psikologi mereka. Kajian ini telah berjaya mengisi jurang penyelidikan dengan melihat jika pengantara yang berbeza iaitu peranan sikap peminat akan memainkan peranan yang serupa seperti mediator di dalam kajian lepas tersebut iaitu iklim organisasi sosial. Oleh demikian, pengkaji menyimpulkan bahawa pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber tanpa kewujudan mediator yang spesifik akan menyebabkan berlakunya ketidakwujudan hubungan signifikan secara langsung terhadap tahap kesejahteraan psikologi.

Jadual 8. Keputusan Kolerasi Pearson Bagi Hubungan Antara Pengalaman Berkaitan Tingkah Laku Buli Siber Dengan Tahap Kesejahteraan Psikologi

	N	r	Sig.
Pengalaman Berkaitan Tingkah Laku Buli Siber Dengan Tahap Kesejahteraan Psikologi	397	0.092	0.068

H2: Terdapat hubungan antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan peminat BTS peringkat dewasa awal di Malaysia.

Berikut adalah merupakan hubungan korelasi di antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi. Menurut keputusan kajian, hubungan di antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi mempunyai korelasi positif yang sederhana dan signifikan ($r = 0.645$, $p < 0.01$). Ini menunjukkan bahawa hipotesis telah diterima. Bilangan jumlah responden, nilai korelasi (r) dan nilai signifikan bagi hubungan antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi boleh dilihat di dalam jadual 9.

Hubungan yang ditunjukkan di antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi adalah positif dan signifikan serta berada pada tahap kolerasi yang sederhana. Ternyata kajian ini telah mengisi jurang penyelidikan di mana pengkaji telah memilih untuk melihat jika kewujudan pemboleh ubah bebas kedua yang berbeza dan mediator akan mengubah hubungan di antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi yang lazimnya positif seperti yang diperolehi melalui kajian lepas. Di dalam konteks kajian ini, dewasa awal yang terlibat mempunyai tahap penghargaan kendiri yang tinggi dan telah menunjukkan kesan secara langsung terhadap tahap kesejahteraan psikologi di mana hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah positif.

Jadual 9. Keputusan Kolerasi Pearson Bagi Hubungan Antara Tahap Penghargaan Kendiri Dengan Tahap Kesejahteraan Psikologi

	N	r	Sig.
Tahap Penghargaan Kendiri dan Tahap Kesejahteraan Psikologi	397	0.645	0.000

H3: *Peranan sikap peminat BTS adalah merupakan pengantara di dalam hubungan antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan dewasa awal di Malaysia.*

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber adalah merupakan peramal peranan sikap peminat BTS yang signifikan ($B = 0.562$, $SE = 0.144$, $p < 0.05$). Peranan sikap peminat BTS pula mempunyai nilai yang menunjukkan bahawa ia adalah merupakan peramal yang tidak signifikan ($B = 0.041$, $SE = 0.046$, $p > 0.05$). Secara tidak langsung, pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber bukan lagi satu peramal yang signifikan ($B = 0.217$, $SE = 0.134$, $p > 0.05$) terhadap tahap kesejahteraan psikologi selepas pemboleh ubah pengantara dikawal. Secara kasarnya, hanya 1% varians ($R^2 = 0.010$) di dalam tahap kesejahteraan psikologi telah diambil kira oleh pemboleh ubah peramal. Disebabkan hubungan secara langsung di antara peranan sikap peminat BTS dengan tahap kesejahteraan psikologi adalah tidak signifikan, maka kesan tidak langsung pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber terhadap tahap kesejahteraan psikologi melalui peranan sikap peminat BTS juga menunjukkan nilai yang tidak signifikan ($B = 0.023$, $SE = 0.027$, 95% CI = -0.031, 0.077). Ini menunjukkan bahawa ia menolak hipotesis (H3) ini di mana peranan sikap peminat BTS adalah merupakan pengantara di dalam hubungan antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan dewasa awal di Malaysia.

Kajian ini mendapati bahawa pemboleh ubah bebas yang pertama iaitu pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber terutamanya sebagai mangsa mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap peranan sikap peminat BTS yang merupakan pengantara. Para peminat sentiasa bersedia untuk melakukan apa sahaja supaya mereka dapat melindungi setiap ahli di dalam kumpulan selebriti kegemaran mereka mengikut situasi yang tertentu. Jurang penyelidikan di dalam kajian lepas di mana ciri responden yang terlibat adalah bersifat umum, maka jurang tersebut telah diisi melalui kajian ini iaitu dengan hanya memfokuskan kepada sebuah kumpulan K-Pop sahaja iaitu BTS kerana kumpulan ini telah menguar-uarkan kempen berkaitan anti buli. Pengkaji ingin meringkaskan bahawa peranan sikap yang ditunjukkan oleh peminat BTS tidak dipengaruhi oleh pengalaman mereka berkaitan tingkah laku buli siber sebagai mangsa. Para peminat ini

juga bersungguh-sungguh untuk mengikuti kempen anti buli dan kebanyakan di antara mereka tidak pernah langsung terlibat dengan tingkah laku buli siber sebagai seorang pemangsa.

Pemboleh ubah iaitu peranan sikap peminat BTS tidak menunjukkan sebarang peranan sebagai mediator di dalam hubungan antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi. Ternyata ini menunjukkan bahawa peranan sikap ARMY tidak memberi sebarang kesan tahap kesejahteraan psikologi walaupun mereka mempunyai pengalaman yang banyak sebagai mangsa buli siber. Kajian ini disimpulkan bahawa BTS mampu mempengaruhi peranan sikap para peminat, namun peranan tersebut serta tindakan para peminat yang terlibat dengan situasi buli siber tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan sebagai pengantara di dalam hubungan antara pengalaman berkaitan tingkah laku buli siber dengan tahap kesejahteraan psikologi.

Jadual 10. Keputusan Regresi Berganda Berkaitan Peranan Sikap Peminat BTS Sebagai Pengantara Dalam Hubungan Antara Pengalaman Berkaitan Tingkah Laku Buli Siber Dengan Tahap Kesejahteraan Psikologi

Laluan	B	SE	Sig.	LLCI	ULCI
PTLBS → TKP (c')	0.217	0.134	0.105	-0.045	0.480
PLTBS → PSP (a)	0.562	0.144	0.000	0.280	0.844
PLTBS → PSP → TKP (b)	0.041	0.046	0.378	-0.050	0.131
Kesan					
Langsung (c')	0.217	0.134	0.105	-0.045	0.480
Tidak Langsung (ab)	0.023	0.027	-	-0.031	0.077
Keseluruhan (c)	0.240	0.131	0.068	-0.018	0.498

H4: Peranan sikap peminat BTS adalah merupakan pengantara di dalam hubungan antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan dewasa awal di Malaysia.

Hasil daripada keputusan kajian mendapati tahap penghargaan kendiri mempunyai nilai sebagai peramal peranan sikap peminat BTS. Nilai tersebut adalah ($B = 0.254$, $SE = 0.130$, $p < 0.05$). Keputusan yang berlainan pula bagi bahagian ini dimana peranan sikap peminat BTS telah menunjukkan nilai yang menandakan bahawa ia adalah peramal yang tidak signifikan ($B = -0.002$, $SE = 0.035$, $p > 0.05$). Tahap penghargaan kendiri masih menunjukkan bahawa ia mempunyai kesan langsung yang signifikan ($B = 1.502$, $SE = 0.089$, $p < 0.05$) terhadap tahap kesejahteraan psikologi walaupun pemboleh ubah pengantara telah dikawal. Sebanyak 42% varians ($R^2 = 0.416$) di dalam tahap kesejahteraan psikologi telah diambil kira oleh pemboleh ubah peramal. Kesan tidak langsung tahap penghargaan kendiri terhadap tahap kesejahteraan psikologi melalui peranan sikap peminat BTS mendapati bahawa nilai ditunjukkan adalah signifikan ($B = -0.001$, $SE = 0.009$, 95% CI = -0.020 , 0.020) sama seperti nilai dinyatakan di dalam kesan secara langsung iaitu nilai yang signifikan. Keputusan ini menyokong hipotesis (H4) di mana peranan sikap peminat BTS adalah merupakan pengantara di dalam hubungan antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan dewasa awal di Malaysia.

Menurut hasil yang diperolehi, tahap penghargaan kendiri mempunyai pengaruh dan merupakan peramal yang signifikan terhadap peranan sikap peminat BTS. Tinjauan oleh Brooks (2018) yang menyatakan bahawa tiada perkaitan yang signifikan di antara peranan sikap peminat terhadap selebriti kegemaran mereka dengan tahap penghargaan kendiri dan sebaliknya. Kebanyakan para peminat yang mempunyai tahap penghargaan kendiri yang rendah akan menjadikan peranan sikap mereka terhadap selebriti kegemaran sebagai satu cara untuk menutupi atau mengimbangi kekurangan diri mereka. Maka, pengkaji merumuskan bahawa para responden menjadikan BTS sebagai salah satu cara daya tindak mereka untuk menutupi tahap penghargaan kendiri yang rendah dan secara tidak langsung telah menyebabkan peningkatan tahap kesejahteraan psikologi diri mereka sendiri.

Peranan sikap peminat BTS di dalam kajian ini ternyata merupakan satu pemboleh ubah pengantara di dalam hubungan antara tahap penghargaan kendiri dengan tahap kesejahteraan psikologi. Kajian ini dapat disimpulkan bahawa peranan sikap para peminat ternyata mempunyai pengaruh kerana mereka menunjukkan kesetiaan yang tinggi terhadap kumpulan BTS walaupun mereka mempunyai tahap kesejahteraan yang rendah. Pada yang sama, mesej yang disampaikan oleh BTS berkaitan menyayangi diri sendiri telah dilaksanakan dan ini menyebabkan wujudnya peningkatan tahap penghargaan diri para peminat.

Jadual 11. Keputusan Regresi Berganda Berkaitan Peranan Sikap Peminat BTS Sebagai Pengantara dalam Hubungan Antara Tahap Penghargaan Kendiri Dengan Tahap Kesejahteraan Psikologi

Laluan	B	SE	Sig.	LLCI	ULCI
TPK → TKP (c')	1.502	0.089	0.000	1.3256	1.677
TPK → PSP (a)	0.254	0.130	0.051	-0.001	0.508
TPK → PSP → TKP (b)	-0.002	0.035	0.957	-0.070	0.067
Kesan					
Langsung (c')	1.502	0.089	0.000	1.3256	1.677
Tidak Langsung (ab)	-0.001	0.009	-	-0.020	0.020
Keseluruhan (c)	1.502	0.090	0.000	1.325	1.679

Kesimpulan

Isu yang hangat diperkatakan adalah isu perkauman yang berlaku hanya disebabkan oleh BTS telah menyanyikan semula sebuah lagu penyanyi dari negara Barat. ARMY adalah merupakan sebuah fandom yang lantang dalam menyuarakan pendapat dan apabila isu ini wujud, mereka memutuskan untuk mempertahankan warga Asia dengan menyatakan bahawa isu perkauman adalah merupakan satu perkara yang serius kerana banyak kes yang telah meragut nyawa hanya disebabkan oleh seseorang itu adalah merupakan orang Asia. Namun, peminat BTS telah dilabel sebagai terlalu obses dan bertindak secara berlebihan kerana mereka mencuba mempertahankan hak yang telah ditindas. Ini menunjukkan bahawa para netizen masih memandang serong terhadap fandom ini disebabkan oleh stereotaip yang masih wujud dalam kalangan mereka. Kajian ini layak untuk membuka mata netizen untuk memupuk sifat yang lebih empatetik dengan cuba untuk memahami sikap yang ditunjukkan oleh para peminat apabila sesuatu isu berlaku dan bukannya dengan melontarkan kata cacian tanpa usul periksa. Seterusnya, limitasi kajian ini di mana responden berada di dalam zaman teknologi yang tinggi, namun tidak kesemua dewasa awal mempunyai akaun media sosial yang popular. Segelintir dewasa awal yang mempunyai akaun media sosial seperti Twitter pula tidak aktif dan sukar bagi pengkaji untuk menghubungi secara terus dengan mereka. Maka kajian ini menyarankan agar pilihan media sosial boleh diperbanyakkan dan kaedah pengedaran borang soal selidik secara fizikal boleh dipertimbangkan supaya variasi dari segi ciri-ciri demografi dapat diperluaskan lagi.

Penghargaan: Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia Dr. Abdul Rahman Ahmad Badayai yang banyak membantu dan menyelia tugas penyeleidikan ini sehingga berjaya di hantar dan diterbitkan. Juga kepada pihak Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra), Pihak Pengurusan Siswazah dan Program Sarjana Sains Sosial (Psikologi Perkembangan) yang banyak memudahkan urusan penyeleidikan ini.

Rujukan

- Brooks, S. K. (2018). FANatics: systematic literature review of factors associated with celebrity worship, and suggested directions for future research. *Curr Psychol*, 40, 864–886. <https://doi.org/10.1007/s12144-018-9978-4>
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyeleidikan: Kaedah penyeleidikan*. McGraw-Hill Education.

- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage Publications.
- Cyber Security Malaysia. (2021). *Reported incidents based on general incident classification statistics*. Mycert Portal. <https://www.mycert.org.my/portal/statistics-content?menu=b75e037d-6ee3-4d11-8169-66677d694932&id=2650ed29-88be-4cec-86cc-13f8e07ae228>
- Hayes, A. F. (2021). *The PROCESS macro for SPSS, SAS, and R*. <https://www.processmacro.org/>
- Hellfeldt, K., López-Romero, L., & Andershed, H. (2020). Cyberbullying and psychological well-being in young adolescence: The potential protective mediation effects of social support from family, friends, and teachers. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(1), 45.
- Hinduja, S. & Patchin, J. W. (2019). Connecting adolescent suicide to the severity of bullying and cyberbullying. *Journal of School Violence*, 18(3), 333-346.
- Hurlock, E. B. (2001). *Developmental psychology*. Tata McGraw-Hill Education.
- Ismail, R. (2015). *Metodologi penyelidikan: Teori dan Praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jafar, M. F., & Hassan, S. (2016). Kajian Penghargaan Kendiri dan Kepuasan Hidup Pelajar. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2).
- Lai, C. S., Mohamad, M. M., Lee, M. F., Salleh, K. M., Sulaiman, N. L., Rosli, D. I., & Chang, W. V. S. (2016). Cyberbullying among Malaysian youth. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 15, 121-134.
- McCutcheon, L. E., Lange, R., & Houran, J. (2002). Conceptualization and measurement of celebrity worship. *British Journal of Psychology*, 93, 67-87.
- Park, S. Y., Santero, N., Kaneshiro, B., & Lee, J. H. (2021). Armed in ARMY: A case study of how BTS fans successfully collaborated to# matchamillion for black lives matter. *Proceedings of the 2021 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems*.
- Pitchan, M. A., Omar, S. Z., & Ghazali, A. H. A. (2019). Amalan keselamatan siber pengguna internet terhadap buli siber, pornografi, e-mel phishing & pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3).
- Rosenberg, M. (1965). Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE). *Acceptance and commitment therapy. measures package*, 61(52), 18.
- Ryff, C. D. (1989). Happiness Is Everything, or Is It? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(6).
- Saizan, Z. & Singh, D. (2018). Cyber security awareness among social media users: Case study in German-Malaysian Institute (GMI). *Asia Pacific Journal of Information Technology & Multimedia*, 7, 111-127.
- Shafie, A. A. A., Rozudi, N. C., Kamaruddin, W. A. Z. W., & Mohamad, M. (2017). Mangsa buli dan kesan buli. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 11, 109-124.
- Widjaja, A. K., & Ali, M. M. (2015). Gambaran celebrity worship pada dewasa awal di Jakarta. *Humaniora*, 6(1), 21-28.